

Kemewahan jadikan generasi muda alpa, boros

BH 25 AUG 2002

JOHOR BAHRU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad khawatir kemewahan yang dinikmati generasi muda selepas merdeka termasuk di kalangan pelajar universiti, menyebabkan mereka mudah alpa terhadap tanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara.

Perdana Menteri mengakui ada di kalangan generasi muda termasuk di kalangan pelajar universiti, mewarisi kekayaan yang diwarisi daripada keluarga mereka, tidak tahu memelihara apa yang diwarisi itu.

Beliau berkata, generasi pewaris yang beranggapan mereka tidak perlu bekerja kuat menjadi boros, menghabiskan masa bersuka ria dan menagih dadah sehingga keluarga yang dulunya kaya, kembali miskin.

"Saya khawatir negara kita kaya tak seperti masa zaman kemerdekaan di mana kita bekerja kuat. Sekarang tak perlu kerja kuat. Penuntut universiti belajar di universiti guna motokar.

"Apabila kita mewah, kita jadi kurang insaf, tak sedar dan rasa bersyukur. Kalau kita tidak punya nilai keinsafan, kesedaran dan kesyukuran, maka kita tak dapat tangani masalah hidup yang akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap kepada lebih 5,000 pelajar dan kakitangan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), di Dewan Sultan Iskandar, UTM Skudai, dekat sini, semalam.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman dan isterinya, Datin Prof Dr Jamilah Ariffin serta Naib Canselor UTM, Datuk Prof Dr Mohd Zulkifli Mohd Ghazali.

Dr Mahathir berkata, sebab itu, kerajaan menekankan, selain menguasai ilmu di universiti, pelajar harus dipupuk dengan nilai mulia, yang boleh menjadikan mereka manusia

yang mampu menangani masalah kehidupan, dan rasa tanggungjawab terhadap bangsa, agama dan negara.

Katanya, menjadi hasrat kerajaan untuk melahirkan lulusan universiti yang bukan saja memiliki ijazah, tetapi berpegang kepada nilai mulia yang dapat memastikan negara terus maju.

"Kita tentunya mahu generasi pewaris adalah lebih baik daripada kita. Dapat beza antara yang baik dan buruk.

"Itu adalah tanggungjawab kita, bukannya untuk diri sendiri," tegasnya sambil meminta pelajar universiti supaya memiliki kebolehan memikir dan menilai sesuatu.

"Dalam universiti kita mesti bangunkan keupayaan berfikir, buka fikiran kita dan buat penilaian mengikut asas budaya dan nilai sistem kita. Ini supaya kita tak tolak yang baik dan terima yang buruk.

"Ini adalah tanggungjawab dalam universiti. Memupuk keupayaan menilai. Lulusan universiti perlu di kalangan mereka yang bijak," tegasnya.

Dr Mahathir yakin pelajar yang lulus dan mempunyai keupayaan berfikir, berupaya menjadi rakyat Malaysia yang meneruskan pembangunan negara sekali gus menyambung perjuangan generasi sekarang.

Atas dasar itu, kata Perdana Menteri, perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan yang dilaksana kerajaan bukan untuk kepentingan pihak tertentu, tetapi ia untuk manfaat generasi pewaris.

"Orang cakap projek Putrajaya, Bakun dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang sebagai projek membazir.

"Sebenarnya tidak. Projek ini bukan untuk saya, tetapi untuk generasi akan datang," katanya.